

**MALAYSIA DAN ASEAN: KEPENTINGAN DAN
PENDEKATAN MALAYSIA TERHADAP ASEAN, 1967-2017**

*MALAYSIA AND ASEAN: ITS INTERESTS AND APPROACHES TOWARD ASEAN,
1967-2017*

Lili Yulyadi Arnakim*

**Jabatan Hubungan Antarbangsa, Universitas Bina Nusantara (BINUS),
Jakarta, Indonesia**

Siti Mariam Mat**

**Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sosial Sains,
Universiti Malaya, Malaysia**

Abstrak

Malaysia merupakan salah sebuah negara awal atau juga digelar sebagai *Founding Fathers* kepada pertubuhan ASEAN di mana berkolaborasi dengan negara Filipina, Indonesia, Thailand dan juga Singapura dalam menubuhkan satu entiti rantau yang menjadi payung kepada rantau Asia Tenggara dalam menghadapi tekanan dari dalam negara mahupun dari luar negara. Pertubuhan ini merupakan reaksi pemimpin-pemimpin negara awal ASEAN untuk menubuhkan satu organisasi serantau yang menjadi platform bagi negara anggota ASEAN dalam segenap aspek. Kajian ini dihasilkan untuk melihat apakah pendekatan mahupun mekanisme yang dilaksanakan oleh negara Malaysia sepanjang bergiat dalam pertubuhan ASEAN di mana ia dianggap sebagai cara yang dilakukan oleh Malaysia dalam berhubungan dengan negara anggota ASEAN mahupun dengan *dialogue partner* ASEAN sejak ditubuhkan hingga tahun 2017. Seterusnya adalah untuk mengenalpasti kepentingan pertubuhan ASEAN kepada negara Malaysia yang meliputi manfaat yang dinikmati Malaysia dalam aspek politik dan keselamatan, perkembangan ekonomi dan juga kemajuan dalam aspek sosio-budaya. Pertubuhan ASEAN merupakan kepentingan terbesar terhadap dasar luar negara Malaysia di mana ia merupakan satu-satunya pertubuhan serantau yang membincangkan segala isu yang menjadi keperluan dan kepentingan kepada negara anggota. Penglibatan dan kerjasama yang aktif antara negara anggota dengan menggunakan pendekatan yang tersendiri telah melahirkan *regional prosperity* yang dikongsi bersama. Pengkaji menggunakan metodologi temu bual dengan beberapa pegawai dari Sekretariat Kebangsaan ASEAN Malaysia dan kaedah rujukan ilmiah terhadap karya-karya mengenai ASEAN dan juga keatas maklumat yang terdapat pada laman rasmi pertubuhan ASEAN. Hasilnya, penulis mendapati bahawa terdapat mekanisme mahupun pendekatan yang dilaksanakan mengikut kepada keadaan tertentu yang menjadi keperluan kepada negara Malaysia. Pendekatan yang aktif dan efektif oleh negara Malaysia telah menjadikan suatu usahasama berhasil dan boleh dinikmati bersama rakan kongsinya serta ia memberikan imej yang baik kepada negara Malaysia itu sendiri.

Kata kunci: Malaysia, ASEAN, pendekatan, kepentingan dan kesejahteraan serantau.

Abstract

Malaysia is one of the earliest countries or also known as one of the 'Founding Fathers' of ASEAN. This includes Philippines, Indonesia, Thailand and Singapore in establishing a regional entity which later becomes an 'umbrella' to Southeast Asian region to face pressure from within or outside of the country. This organization is an early reaction from the leaders of ASEAN countries to establish a regional organization which becomes a platform for ASEAN members in all aspects. This paper is aimed to see the approach or mechanism undertaken by Malaysia throughout its membership from 1967 to 2017, which it is considered a way that made by Malaysia in having relation to ASEAN member countries even with ASEAN dialogue partner. Next is to identify the importance of ASEAN to Malaysia which includes the benefits enjoyed by Malaysia in the political and security, economic development and progress in the socio-cultural aspects. ASEAN is the corner stone of Malaysia's foreign policy where it is the only regional organization that discusses the issue of the need and importance to all of ASEAN countries. The involvement and active cooperation between the member states with a distinctive approach has given rise to a shared regional prosperity. The researchers used primary data which were collected through conducting interviews with several officials from the ASEAN Malaysia National Secretariat Malaysia, and analyzed the works of ASEAN and secondary data based on the information available in ASEAN official sites. As a result, the authors found that there are mechanisms and approaches that are implemented according to the specific circumstances of the Malaysian domestic affairs. An active and effective approaches deployed by Malaysia make a successful joint venture of ASEAN, which can be enjoyed by its partners and can create a good image of Malaysia.

Keywords: *Malaysia, ASEAN, approach, national interest, dan regional prosperity.*

Pengenalan

Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara atau ASEAN merupakan pertubuhan serantau yang ketiga selepas pertubuhan *Association of Southeast Asia* (ASA) pada tahun 1961 dan organisasi serantau gabungan tiga negara iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO) pada tahun 1963. Namun, disebabkan krisis dalaman yang berlaku seperti tuntutan Borneo Utara oleh Filipina kepada Malaysia dan peristiwa 'Ganyang Malaysia' yang dilancarkan oleh Presiden Sukarno pada tahun 1963 yang membantah penubuhan Malaysia telah menyebabkan hubungan dua hala antara negara-negara ini terganggu. Bukan itu sahaja, rantau Asia Tenggara dijadikan pentas untuk percaturan dua ideologi iaitu antara ideologi kapitalisme (Amerika Syarikat) dan ideologi komunisme (Soviet Union dan China) yang bersaing sesama sendiri dalam menyebarkan pengaruh masing-masing kepada negara-negara Asia terutamanya Asia Tenggara kerana bagi mereka negara-negara kecil ini masih tidak mempunyai ideologi yang kukuh untuk pembentukan negara bangsa.

Vietnam merupakan salah sebuah negara bagi lokasi berlakunya perang ideologi ini di mana pada ketika itu, Vietnam terbahagi kepada dua bahagian iaitu Vietnam Utara yang berideologi komunisme manakala Vietnam Selatan pula berideologi kapitalisme yang bermula dari tahun 1947 dan berlarutan hingga 1991. Petempatan dua kuasa besar di Vietnam ini amat

membimbangkan negara sekitar terutamanya terhadap penyebaran pengaruh komunis ke atas negara-negara rantau Asia Tenggara. Atas faktor keselamatan dan kestabilan rantau, lima negara pengasas ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura bersepakat untuk menubuhkan entiti yang menjadi payung serantau dan merupakan lanjutan daripada kegagalan ASA dan MAPHILINDO. Pertelagahan dan konflik yang pernah berlaku antara negara Malaysia, Filipina dan Indonesia berakhir dengan rundingan yang baik walaupun masih tidak sepenuhnya selesai demi kepentingan rantau ini.¹

Oleh yang demikian, buah fikiran pemimpin-pemimpin yang mempunyai matlamat yang sama atau *like-minded* telah membawa kepada termeterainya Deklarasi ASEAN yang bertempat di Bangkok pada tahun 1967 di mana ditandatangani oleh wakil kelima-lima negara pengasas ini iaitu Adam Malik (Menteri Luar Negeri Indonesia), Tun Abdul Razak (Wakil Perdana Menteri Malaysia), S. Rajaratnam (Menteri Luar Negeri Singapura), Narsisco Ramos (Menteri Luar Negeri Filipina) serta Thanat Khoman (Menteri Luar Negeri Thailand).² Deklarasi ASEAN ini berdiri dengan matlamat bukan sahaja untuk keselamatan dan kestabilan rantau, malah sebagai platform untuk negara-negara anggota mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosio-budaya.³

Kini, ASEAN telah dilengkapi dengan penyertaan sepuluh negara anggota di mana penyertaan negara Brunei pada tahun 1984 iaitu seminggu selepas mencapai kemerdekaan. Hanya selepas 11 tahun kemudiannya ASEAN menerima ahli baru seperti Vietnam pada 1995, Laos dan Myanmar pada 23 Julai 1997. Walaupun Kemboja sudah menyertai ASEAN bersama-sama Myanmar dan Laos, Kemboja terpaksa menarik diri disebabkan masalah politik dalaman negara tersebut. Namun, dua tahun kemudiannya Kemboja menyertai semula ASEAN pada 1999. Papua New Guinea dan Timor Leste bertindak sebagai negara pemerhati kerana masih belum bersedia sepenuhnya untuk menganggotai ASEAN.

Sepanjang menjadi negara anggota ASEAN, penglibatan dan komitmen yang aktif ditunjukkan oleh negara Malaysia baik dari sudut kerjasama mahupun penjaan idea yang bernas demi memajukan lagi pertubuhan ASEAN. Bermula pada era Tunku Abdul Rahman, hinggalah pada era pemerintahan Najib Tun Abdul Razak tahun 2018, telah banyak kerjasama yang disertai dan juga sumbangan ilham atau *brainchild* oleh Malaysia kepada pertubuhan ASEAN seperti pelaksanaan *Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN)*, *ASEAN Regional Forum (ARF)* dan *East Asian Economic Caucus (EAEC)*. Pelaksanaan dasar luar negara Malaysia terhadap ASEAN memberi fokus kepada perkembangan pertubuhan ASEAN dan juga kepada hubungan antara negara anggota ASEAN itu sendiri. Penglibatan Malaysia dalam pertubuhan ASEAN mencapai kemuncaknya pada era Tun Dr. Mahathir di mana selain daripada terbitnya ilham pelaksanaan kerjasama seperti ARF and EAEC, kemasukan CLMV (Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam) juga merupakan saranan Tun Dr. Mahathir kerana melihat potensi yang dimiliki oleh negara-negara CLMV dan tidak lain tidak bukan ianya untuk kepentingan dari sudut politik, ekonomi dan sosial negara tersebut.⁴

Dasar luar negara Malaysia terhadap ASEAN iaitu *ASEAN is a corner stone to Malaysia* menjadi pegangan utama kepada pelaksanaan hubungan luar negara Malaysia terhadap ASEAN bermula awal penglibatan dalam pertubuhan tersebut sehinggalah pada ketika ini.⁵ ASEAN menjadi kepentingan terbesar kepada dasar luar negara Malaysia kerana ASEAN merupakan satu-satunya pertubuhan yang membincangkan segenap aspek yang menjadi keperluan dan kepentingan kepada negara anggota. Sehingga kini, ASEAN telah menjadi salah satu organisasi

serantau yang berjaya dan efektif selain dari pertubuhan *European Union* (EU). Perkembangan ASEAN kini adalah hasil kerjasama yang padu antara negara anggota dengan mematuhi setiap prinsip yang terkandung dalam rangka kerja yang disepakati bersama. Pendekatan tersendiri yang diamalkan sebagai mekanisme utama bagi negara anggota telah menjadikan kerjasama ini berjalan dengan lancar dan membuahkan hasil yang boleh dinikmati bersama. Oleh yang demikian, kajian ini dihasilkan untuk membincangkan mengenai apakah pendekatan yang dilaksanakan oleh negara Malaysia sepanjang menjadi negara anggota dan manfaat yang dinikmati hasil penyertaan yang aktif dalam pertubuhan ASEAN selama lima puluh tahun ASEAN dari 1967 sampai 2017.

Pendekatan Negara Malaysia Terhadap Pertubuhan Asean

Menurut *Cambridge Advanced Learner's Dictionary (1995)*, terma pendekatan didefinisikan sebagai *a way of considering or doing something* di mana ia dijadikan sebagai teknik ataupun prosedur untuk mengendalikan sesuatu urusan mahupun kerjasama.⁶ Pendekatan yang dilaksanakan adalah berbeza oleh setiap individu, kumpulan mahupun negara. Dalam konteks ini, setiap negara di dunia mempunyai pendekatan yang berbeza-beza mengikut kepada kebijakan pemimpinnya dan apa yang menjadi kepentingannya. Hal ini sama situasinya dengan negara Malaysia yang mana mempunyai pendekatan tertentu dalam bergiat untuk pertubuhan ASEAN. Pendekatan ini adalah cara dan prosedur yang digunakan negara Malaysia untuk menjalinkan hubungan dengan negara anggota ASEAN dan juga *dialogue partner* samada dalam konteks kerjasama mahupun sebagai mekanisme penyelesaian sesuatu permasalahan. Pendekatan yang dilaksanakan ini amat penting kerana ia mampu memberi gambaran secara keseluruhan mengenai cara gerak kerja sesebuah negara.

Seperti mana yang diamalkan oleh negara-negara di dunia ini, Malaysia turut menggunakan pendekatan yang sama iaitu dengan menjalinkan hubungan *bilateral* (dua hala), *multilateral* (pelbagai hala) dan juga *selective* (terpilih). Pendekatan yang dilaksanakan adalah berbeza mengikut kepada kepentingan semasa negara dan juga berdasarkan kesesuaian kepada kes-kes tertentu.⁷ Namun begitu, *bilateral* merupakan pendekatan yang amat diberikan perhatian dan seringkali digunakan kerana ianya lebih efektif dan berkesan seperti mana objektif Kementerian Luar Negeri Malaysia yang ingin mengukuhkan lagi pengurusan hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara asing, pertubuhan serantau dan juga pertubuhan antarabangsa.⁸ Dalam konteks berhubungan dengan negara anggota ASEAN, pertubuhan ASEAN itu sendiri merupakan platform yang sangat strategik dan boleh dijadikan permulaan yang baik buat Malaysia untuk mempersempahkannya dirinya dan boleh melihat secara langsung akan perkembangan negara anggota dan *dialogue partner* ASEAN.

Bilateral

Bilateral atau hubungan dua hala merupakan jalinan hubungan kerjasama ataupun perjanjian yang melibatkan dua kumpulan atau dua negara.⁹ Pendekatan ini amat popular dan selalu digunakan untuk menjalinkan hubungan dengan negara baru ataupun untuk mengukuhkan hubungan dua hala yang telah sedia ada. Dalam konteks ASEAN, walaupun telah bergelar negara anggota, tidak semestinya hubungan dua hala antara negara anggota terjalin secara

automatiknya. Hal ini perlu ada pendekatan yang dimainkan oleh mana-mana negara untuk *propose* sesuatu negara dalam menjalankan hubungan dua hala. Hubungan ini tidak semata-mata untuk urusan politik sahaja, ia juga untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan membina hubungan persahabatan.¹⁰

Dalam ruang lingkup hubungan dua hala antara negara Malaysia dengan negara anggota ASEAN, selain dari kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial dan persahabatan, hubungan ini juga dijalankan sebagai kerjasama untuk menangani sesuatu permasalahan yang melibatkan dua negara. Jika diikutkan, terdapat pelbagai jenis kerjasama dua hala antara negara Malaysia dengan negara anggota ASEAN. Sebagai contoh, isu kebanjiran warga Indonesia yang melakukan imigrasi ke Malaysia yang dipengaruhi oleh faktor *push and pull* hingga menyebabkan keadaan ini sukar dikawal. Penggunaan tenaga kerja dari Indonesia adalah melalui kesepakatan bersama terutamanya tenaga kerja professional dan tidak profesional yang telah diiktiraf perkhidmatannya di Malaysia dan mengikut bidang kerja yang telah didaftarkan secara sah. Perkara yang menjadi isu ialah kemasukan tanpa kawalan pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan tidak mengikut prosedur yang betul terutamanya dalam kegiatan pekerjaan sektor ketiga telah menimbulkan masalah lambakan warga asing dan menyumbang kepada masalah sosial. Tidak boleh menuding jari kepada satu pihak sahaja, sikap kontraktor dan pihak pengurusan untuk kerja-kerja pembangunan Malaysia yang mementingkan keuntungan semata-mata, menggunakan jalan yang tidak sah untuk mengelak dari membayar cukai dan kadar seperti yang telah ditetapkan untuk buruh. Hal ini membolehkan pihak majikan membayar gaji yang minima dan mengikut kuantiti kerja buruh. Berlaku masalah sosial apabila buruh bertindak menuntut gaji yang berlebihan tetapi tidak diendahkan, aspek kebajikan buruh tidak diambil berat dan sebagainya. Perkara ini mendorong kepada kegiatan mogok, pergaduhan dan boleh membawa kepada kes pembunuhan.¹¹

Oleh yang demikian, hubungan dua hala yang dibina membolehkan kedua-dua pihak mengawal selia permasalahan yang berlaku dengan bekerjasama untuk memudahkan urusan penggunaan tenaga kerja, saling memberi laporan dan mengemaskini maklumat mengenai warganegara Indonesia yang menetap di Malaysia dan sebaliknya. Pengamalan kepada cara kerja yang berpandukan kepada Piagam ASEAN di mana menyelesaikan pertikaian secara aman serta meningkatkan kerjasama antara negara anggota dengan dibantu oleh pendekatan bilateral memudahkan lagi gerak kerja untuk penyelesaian sesuatu permasalahan malah membantu hubungan kedua-dua negara lebih terjalin dengan erat.¹²

Seterusnya, Singapura merupakan antara negara jiran terdekat Malaysia dan merupakan negara yang dipanggil lubuk rezeki kerana peluang pekerjaan yang disediakan dan gaji yang ditawarkan pada pelbagai peringkat kerja adalah tinggi. Dianggarkan seramai 250,000 rakyat Malaysia bekerja di Singapura disebabkan tawaran gaji yang lebih lumayan. Menteri Sumber Manusia Datuk Dr. S. Subramaniam pada tahun 2008 berkata, daripada jumlah itu kira-kira 150,000 pekerja berulang-alik ke Singapura setiap hari dan selebihnya menetap di negara jiran tersebut. Oleh itu, bermula seawal jam 5.00 pagi, laluan darat yang menghubungkan Singapura dan Malaysia melalui Tambak Johor berlaku kesesakan yang serius dan memaksa pekerja untuk keluar dengan lebih awal lagi. Oleh yang demikian, kedua-dua negara ini bekerjasama untuk menambah baik sistem perhubungan dan pengangkutan yang lebih sistematik serta menjimatkan masa melalui Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) di mana perhentian akan ditempatkan di *Jurong East*, yang sesuai dengan rancangan keseluruhan Singapura untuk mengubah kawasan ini menjadi Pusat Bisnes kedua. Selain projek HSR,

Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri bagi Iskandar Malaysia (JMC) sedang meneroka langkah-langkah untuk meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara, seperti mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan Link kedua Singapura-Malaysia dengan menambahbaik sistem kaunter imigresen motosikal dan menambah laluan feri dan juga menambah baik pelabuhan feri di Terminal Changi. Melalui kerjasama dua hala ini, perkembangan dalam teknologi akan semakin meningkat dan serta-merta mengeratkan lagi hubungan kedua-dua negara yang boleh memberikan kebaikan dalam segenap aspek.

Tambahan lagi, isu jenayah rentas sempadan amat membimbangkan dan melibatkan banyak pihak. Kebimbangan seperti kegiatan pencerobohan, penyeludupan, pengganas serta nelayan haram memerlukan negara-negara yang berkaitan sama-sama menggerakkan kerja secara bersama agar permasalahan yang berlaku segera diselesaikan. Perkara sebegini memerlukan kesemua pihak yang terlibat beraksi dan tidak boleh hanya sebelah pihak sahaja yang mengambil perhatian. Sebagaimana kerjasama dua hala yang dijalankan oleh negara Malaysia dan Thailand dalam menangani pelarian warga Selatan Thailand akibat isu pergolakan yang berlaku di wilayah Patani, Songkhla serta Narathiwat. Risiko puak pengganas menyusup masuk ke sempadan Malaysia adalah tinggi. Oleh yang demikian, kedua-dua negara melaksanakan kerjasama militer di mana memperkukuhkan lagi kawalan sempadan yang bertempat di Sungai Kolok (Thailand) dan di Rantau Panjang Kelantan (Malaysia), serta di bahagian Kedah dan Perlis. Kedua-dua negara ini juga sedang menjalankan kaji selidik pada pembinaan sebuah tembok di beberapa bahagian garis sempadan yang dikongsi. Bukan dengan negara Thailand sahaja, negara Malaysia turut mengadakan kerjasama dua hala untuk menangani kegiatan ISIS dengan Singapura serta masalah pencemaran rentas sempadan bersama negara Indonesia.

Bukan itu sahaja, melalui platform ASEAN, Malaysia berpeluang untuk menjalinkan hubungan dua hala dengan negara yang menjadi ahli kepada kerjasama ASEAN dalam bidang ekonomi seperti *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement* (MJPEA), *Malaysia-New Zealand Free Trade Area* (MNZFTA) serta *Malaysia-Pakistan Closer Economic Partnership Agreement* (MPCEPA).¹³

Multilateral

Menurut James P. Muldoon (1982), beliau mentakrifkan *multilateral* sebagai amalan penyelarasan dasar di kalangan tiga atau lebih negara melalui formal dan tidak formal antara institusi kerajaan, pertubuhan serantau dan juga antarabangsa. Menurutnyanya lagi, ia telah menjadi norma amalan diplomatik dan ciri-ciri asas organisasi antarabangsa, mencerminkan struktur dan proses hubungan antara kerajaan dan antara negara serta ciri utama di dalam pemerintahan antarabangsa selepas Perang Dunia II.¹⁴ Pendekatan kerjasama *multilateral* juga kerap digunakan untuk menjalinkan hubungan kerjasama baik dari segi politik, ekonomi dan sosial, ia juga turut menjadi medium penyelesaian konflik antara negara anggota yang terlibat.

Dalam konteks ASEAN, terdapat pelbagai kerjasama *multilateral* yang dilaksanakan antara negara anggota dan juga melalui penyertaan negara luar. Antara kerjasama *multilateral* yang terdapat dalam ASEAN adalah seperti ARF, AFTA, EAEC, serta ADMM-Plus. Melalui kerjasama *multilateral* yang terdapat dalam kerjasama ASEAN, ianya memerlukan kesemua negara anggota ASEAN menyertainya kerana setiap kerjasama pada peringkat ASEAN adalah

komitmen yang perlu diberikan dan dipatuhi oleh semua negara anggota dan negara ahli. Komitmen yang diberikan mendatangkan manfaat kepada negara-negara yang menyertainya.¹⁵

ASEAN Regional Forum (ARF) merupakan kerjasama *multilateral* yang ditubuhkan hasil sumbangan *brainchild* Tun Dr. Mahathir yang berpendapat bahawa perlunya dihasilkan satu platform perundingan mengenai isu keselamatan rantau Asia Tenggara dan membuka peluang kepada negara luar untuk menyertainya. Selain dari sepuluh buah negara anggota ASEAN, ARF dianggotai oleh negara Australia, Bangladesh, Kanada, China, Republik Demokratik Rakyat Korea (Korea Utara), Kesatuan Eropah, India, Jepun, Mongolia, New Zealand, Pakistan, Papua New Guinea, Republik Korea (Korea Selatan), Rusia, Sri Lanka, Timor-Leste dan negara Amerika Syarikat. Melalui platform ASEAN, negara Malaysia turut berpeluang untuk menjalinkan hubungan dalam bentuk *multilateral* bersama negara-negara tersebut. Isu-isu keselamatan yang dibawa di dalam kerjasama ini seperti isu keselamatan maritim, teknologi keselamatan, latihan ketenteraan dan juga pentadbiran keselamatan.

Seterusnya, salah satu kerjasama *multilateral* ASEAN dalam bidang ekonomi adalah *East Asia Economic Caucus* (EAEC) atau dahulunya dikenali sebagai *East Asia Economic Group* (EAEG) yang juga terbit hasil idea Tun Dr. Mahathir kerana ingin menguatkan lagi ekonomi rantau Asia melalui usaha negara rantau Asia sendiri tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada barat. EAEC merupakan forum perundingan ekonomi yang ditubuhkan bagi kerjasama ASEAN+3 antara negara anggota ASEAN dengan negara Jepun, China dan juga Korea Selatan. EAEC juga merupakan reaksi integrasi ekonomi ASEAN terhadap *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) yang dianggotai oleh negara-negara barat. Hubungan *multilateral* yang dijalankan Malaysia bersama negara-negara Asia Timur juga dipadukan lagi dengan dasar yang dilaksanakan Tun Dr. Mahathir iaitu Dasar Pandang ke Timur. EAEC juga boleh dikatakan sebagai bayangan APEC namun tanpa penyertaan Amerika Utara dan New Zealand. Kerjasama EAEC menunjukkan perkembangan yang positif dan menggiatkan lagi aliran perdagangan serta pertukaran teknologi antara negara anggota. Pada tahun 2005, hasil perundingan antara ASEAN+3, Jepun mencadangkan untuk memasukkan negara New Zealand, manakala Indonesia ingin membawa masuk Australia. Tun Abdullah Badawi tidak ketinggalan juga dengan menyarankan kemasukan India ke dalam *East Asia Summit* kerana dilihat negara-negara ini mempunyai kepakaran dan kapasiti yang besar serta mampu menyumbang kepada kebaikan kerjasama ekonomi termasuk kepada negara Malaysia.

Selain itu, *ASEAN Free Trade Area* (AFTA) juga merupakan salah satu kerjasama *multilateral* ASEAN dalam bidang ekonomi di mana berlaku aliran perdagangan bebas antara negara anggota ASEAN termasuk pengecualian tarif, aliran bebas modal dan pasaran serta aliran bebas tenaga buruh. Pelaksanaan AFTA telah membantu memudahkan lagi kegiatan perdagangan antara negara anggota ASEAN di mana persetujuan untuk mengurangkan sekatan-sekatan ekonomi tertentu telah disepakati bersama. Di dalam pelan tindakan *ASEAN Economic Community* (AEC) turut menggariskan bahawa ingin menjadikan sepenuhnya rantau ini sebagai asas pengeluaran dan pasaran modal akan menjadi realistik dengan adanya AFTA. AFTA telah menjadi platform buat negara Malaysia dalam mencari peluang untuk meningkatkan penyertaan dan perkembangan usahawan Malaysia bagi meluaskan perniagaan dan pasaran ke luar negara. Hal ini akan meningkatkan daya saing yang tinggi buat pengeksport Malaysia. Selain itu, ianya juga akan meningkatkan akses pasaran bagi barangan Malaysia melalui tarif keutamaan dan langkah-langkah kemudahan perdagangan lain di mana timbul hasil daripada peningkatan persaingan dalam kalangan usahawan tempatan yang telah memberi manfaat kepada pengguna.

Pengguna mempunyai lebih banyak pilihan dengan harga dan citarasa yang pelbagai. Bukan itu sahaja, pelaksanaan AFTA juga membantu Malaysia mewujudkan peluang akses pasaran untuk pembekal perkhidmatan Malaysia melalui liberalisasi dan fasilitasi langkah serta meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan hab pengeluaran untuk berkhidmat dalam pasaran serantau dan global.

Selective

Menurut *Cambridge Advanced Learner's Dictionary* (1995), *selective* bermaksud *intentionally choosing some things and not others*.¹⁶ Hal ini menjelaskan bahawa, pendekatan *selective* ini menjurus kepada sesuatu kerjasama ataupun projek yang dijalankan mengikut kepada kemampuan, kesesuaian baik dari segi geografi dan demografi sesebuah negara tersebut dan juga bergantung kepada keinginan sesebuah negara untuk sama-sama memberikan komitmen kerana dilihat ia mendatangkan kebaikan kepada negara mereka.

Kerjasama *selective* ini jarang digunakan berbanding pendekatan *bilateral* dan *multilateral* kerana ia bergantung kepada konteks kerjasama yang ingin dibangunkan samada menepati kesesuaian ataupun tidak. Sebagai contoh kerjasama *Greater Mekong Sub-Region* (GMS), yang dilaksanakan oleh beberapa negara di sepanjang Koridor Ekonomi Timur-Barat (EWEC) iaitu negara Vietnam, Laos, Kemboja, Utara-timur Thailand, Myanmar dan negara-negara yang terangkum dalam kawasan tersebut. Kerjasama ini dijalankan untuk membantu negara kurang membangun seperti CLMV untuk membina dan mengukuhkan pembangunan serta meningkatkan lagi keupayaan untuk pembangunan negara tersebut agar tidak terlalu jauh ketinggalan dengan negara ASEAN-6. Walaupun negara anggota ASEAN yang lain dilihat tidak terlibat dalam kerjasama GMS ini, negara anggota yang lain juga berperanan sebagai perunding, penasihat dan juga terlibat secara tidak langsung dalam membantu perkembangan projek ini agar berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat yang diinginkan.

Dalam konteks kerjasama *selective* antara negara Malaysia dengan ASEAN, kerjasama Kawasan Pertumbuhan Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina ASEAN (BIMP-EAGA) yang dijalankan bermatlamat untuk meningkatkan perdagangan, pelaburan dan pelancongan di rantau Asia Tenggara dan juga melalui pelaksanaan kerjasama ini, ianya dapat meningkatkan aspek infrastruktur rentas sempadan yang mana membantu meluaskan lagi jaringan perhubungan antara negara-negara ASEAN. Negara Malaysia memilih untuk menyertai kerjasama ini kerana ciri-ciri negara Malaysia yang sesuai dan menepati aspek-aspek kerjasama serta melihat akan faedah yang dapat diterima oleh negara Malaysia dan kepada pertubuhan ASEAN itu sendiri.

Bukan itu sahaja, kerjasama berbentuk *selective* yang terdapat dalam kerjasama ASEAN juga seperti Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) di mana ia adalah inisiatif kerjasama sub-serantau yang ditubuhkan pada tahun 1993 oleh kerajaan Indonesia, Malaysia, dan Thailand untuk mempercepatkan transformasi ekonomi di wilayah yang kurang membangun. Sektor swasta menjadi pihak berperanan penting dalam menggalakkan kerjasama ekonomi di IMT-GT. Pelaksanaan IMT-GT telah berkembang dalam skop geografi dan aktiviti-aktiviti yang merangkumi lebih daripada 70 juta orang. Ia kini terdiri daripada 14 wilayah di selatan Thailand, 8 negeri di Semenanjung Malaysia, dan 10 wilayah Sumatera di Indonesia. Perkembangan positif yang ditunjukkan bukan sahaja telah meningkatkan ekonomi ASEAN, malah turut sama menjadi imej positif kepada negara-negara ASEAN lain untuk menjana inisiatif

dan merangka kerjasama yang bersesuaian dengan keadaan sekeliling mereka seperti geografi, perairan, perhubungan dan sebagainya. Penglibatan yang aktif dari semua negara anggota akan menjadikan pertubuhan ASEAN itu lebih cemerlang dalam segala aspek dan menjadi pertubuhan serantau yang berjaya.

Berdasarkan kepada pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh negara Malaysia dalam pertubuhan ASEAN seperti *bilateral*, *multilateral* dan juga *selective*, tidak ada terma mementingkan diri sendiri, berpuak atau *bias* kerana setiap kerjasama yang disertai adalah melihat kepada kepentingan dan keperluan semasa sesebuah negara termasuk Malaysia. Dengan menggunakan platform ASEAN yang menjalankan banyak kerjasama *multilateral* dan berbentuk *selective*, hal ini membantu negara anggotanya menjalinkan hubungan dua hala dengan mana-mana negara yang turut menjadi anggota sesuatu kerjasama yang diwujudkan dibawah pertubuhan ASEAN. Walaupun kerjasama yang dilaksanakan hanya memerlukan penyertaan beberapa buah negara sahaja, namun hasilnya, ia juga turut memberi faedah kepada negara anggota ASEAN yang lain terutamanya dalam bidang ekonomi. Pendekatan dua hala yang diberikan keutamaan oleh negara Malaysia menjadikan negara ini disenangi cara kerjanya dan mudah untuk menjalankan kerjasama. Pendekatan yang tersendiri dan melalui platform ASEAN mampu membawa negara Malaysia pada peringkat yang lebih maju dan aman.

Kepentingan Malaysia terhadap Pertubuhan ASEAN

Jika menelusuri sejarah penglibatan negara Malaysia dalam pertubuhan ASEAN, pada awalnya ia lebih berorientasikan isu keselamatan negara dan rantau Asia Tenggara. Sebelum penubuhan ASEAN, rantau ini berada dalam keadaan yang sangat membimbangkan dan berisiko untuk terus menjadi rantau yang dikawal selia oleh kuasa besar dan menjadi medan percaturan kuasa-kuasa tersebut. Pergolakan politik dan ancaman keselamatan menyebabkan aspek ekonomi dan perkembangan sosial telah terganggu kerana rantau yang tidak aman akan menyukarkan pertumbuhan sesebuah negara. Bukan itu sahaja, konflik antara negara di rantau itu sendiri mengeruhkan lagi hubungan dan boleh membawa ancaman keselamatan kepada negara yang terlibat. Oleh yang demikian, penubuhan ASEAN adalah langkah terbaik di mana bertindak sebagai mekanisme buat negara anggota untuk membebaskan sepenuhnya rantau Asia Tenggara daripada terus menjadi kawasan persengketaan antara ideologi dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam pertubuhan ASEAN dijadikan panduan dan mekanisme penyelesaian buat negara anggota sekiranya berlaku sebarang pertikaian. Karakter dan tujuan pemikiran yang sama (*like-minded*) antara 'Founding Fathers' ini lah yang mendorong kepada kejayaan untuk menubuhkan pertubuhan ini dan telah menyatukan negara di rantau ini bersama-sama.¹⁷

Perkembangan ASEAN semakin positif, stabil, dan terus relevan dengan penglibatan negara anggotanya yang aktif dalam menjana idea dan kerjasama menyebabkan rantau ini aman dan terhindar dari campur tangan kuasa luar. Selain itu, jalinan hubungan baik antara negara anggota menjadikan ASEAN sebagai platform untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan perkembangan aspek sosio-budaya rantau Asia Tenggara. Semestinya terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi sesebuah negara anggota untuk terus memberi komitmen dan mematuhi setiap prinsip yang terdapat dalam pertubuhan ASEAN. Setiap kerjasama dan program yang dilaksanakan di bawah pertubuhan ASEAN merupakan komitmen yang perlu dipatuhi oleh setiap negara anggota kerana setiap perjanjian mahupun kerjasama adalah manfaat yang memberi kebaikan kepada negara anggota dan kepada rantau itu sendiri.¹⁸ Oleh yang demikian,

pada bahagian ini penulis akan membincangkan mengenai kepentingan Malaysia terhadap ASEAN di mana ciri-ciri yang terdapat dalam ASEAN itu sendiri menjadi faktor kepada pentingnya pertubuhan ASEAN kepada negara anggota termasuk Malaysia.

Mekanisme Penyelesaian

Malaysia merupakan sebuah negara yang kecil dengan mempunyai populasi yang tidak ramai dibandingkan negara Indonesia. Dengan mempunyai kapasiti yang kecil, hal ini menjadi satu cabaran buat negara Malaysia dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara di mana mudah untuk diganggu gugat oleh kuasa besar dan pengaruh luar. Penyertaan dalam pertubuhan ASEAN menjadikan hubungan negara Malaysia dengan negara anggota yang lain sebagai satu unit keluarga yang besar serta bekerjasama untuk mempertahankan rantau yang didiami ini agar sentiasa aman dan selamat.¹⁹ Keanggotaan Malaysia dalam ASEAN akan dilindungi dan dibantu oleh negara-negara anggota ASEAN yang lain dan ianya seperti mewakili satu suara ASEAN.

Piagam ASEAN dan *Treaty of Amity and Cooperation* (TAC) menjadi salah satu panduan dan prinsip yang wajib dipatuhi oleh setiap negara anggota. Pematuhan kepada prinsip-prinsip ASEAN serta komitmen yang padu kepada sesebuah kerjasama akan mengelakkan sebarang pertelingkahan dan menjadikan rantau ini sentiasa berada pada garisan tujuannya. Oleh yang demikian, negara Malaysia dan negara anggota ASEAN yang lain akan dilindungi di bawah perjanjian yang telah dipersetujui bersama. Di bawah payung ASEAN, negara anggota akan berusaha untuk menghindari pertelingkahan kerana adanya prinsip *rules based* atau bersandarkan kepada peraturan. Hal ini menggambarkan dimana, setiap perjanjian yang ditandatangani perlulah dipatuhi oleh setiap negara dan pegangan kepada *moral obligation* atau tanggungjawab moral untuk mematuhi dan mengguna pakai *rules based* ini menjadi penampan untuk negara anggota ASEAN daripada melakukan perkara yang akan menggugat keselamatan dan kedaulatan negara anggota ASEAN yang lain.²⁰

Tidak boleh dinafikan bahawa masih terdapat pertikaian antara negara anggota terutama dalam isu tuntutan bertindih, kedaulatan keatas satu-satu wilayah dan pemilikan keatas sesuatu kebudayaan. Walaupun begitu, ia dilihat tidak terlalu menonjol kerana pemegangan kepada prinsip *rules based* dan *moral obligation* menjadikan negara anggota sentiasa bertimbang rasa serta tidak bertindak mengikut perasaan dan ego. Jika kita lihat, isu kuil Preah Vihear yang menjadi tuntutan antara Thailand dan Kemboja atas faktor sejarah masih berlanjutan sehinggakan di persempadan kedua-dua negara ini diletakkan kawalan militer bagi memastikan kuil tersebut tidak dicerobohi mana-mana pihak. Jika prinsip-prinsip yang terdapat dalam ASEAN tidak dipatuhi dan dilanggar kerana mengutamakan kepentingan nasional, mungkin kedua-dua negara ini telah melancarkan serangan dan beradu tenaga. Persengketaan yang berlaku akan memberi kesan kepada negara sekitarnya termasuklah Malaysia sendiri.

Pertubuhan ASEAN yang berpandukan kepada konsensus atau rundingan ini dijalankan dengan pelaksanaan medium kerjasama antara negara anggota sebagai mekanisme untuk negara anggota sama-sama mempertahankan keselamatan dan kedaulatan rantau ini. Sekiranya terdapat masalah atau wujud persengketaan antara negara anggota, pihak pemimpin negara akan cuba menyelesaikan melalui rundingan secara aman dengan pendekatan *bilateral* atau *multilateral*

antara negara -negara yang terlibat dan menggunakan mekanisme yang disepakati bersama dalam pertubuhan ASEAN seperti ARF, APSC, ADMM dan ZOPFAN.²¹

Di bawah perjanjian dan deklarasi yang telah ditetapkan, penyelesaian perbezaan atau pertikaian di antara negara-negara anggota akan dikawal selia oleh prosedur rasional, berkesan dan cukup fleksibel, dengan mengelakkan unsur negatif yang mungkin membahayakan atau menghalang kerjasama seperti mana yang telah termeterai dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC) yang pertama pada tahun 1976. Pegangan yang teguh pada prinsip-prinsip dalam pertubuhan yang telah ditetapkan menjadikan rantau Asia Tenggara dalam keadaan stabil dan aman. Keamanan amat penting kerana dari sudut ekonomi dan perdagangan kita boleh berkembang dan boleh fokus untuk pembangunan negara masing-masing khususnya buat negara Malaysia.

Platform Perundingan

Dalam menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan negara luar, pendekatan yang digunakan oleh negara Malaysia adalah hubungan *bilateral* dan *multilateral*. Salah satu mekanisme kerjasama dalam pertubuhan ASEAN adalah *ASEAN Regional Forum* di mana menjadi medium dan platform tambahan bagi negara Malaysia untuk menjalinkan hubungan dengan negara luar kerana selain daripada 10 negara anggota ASEAN, ARF turut dianggotai oleh negara Australia, Bangladesh, Kanada, China, Republik Demokratik Rakyat Korea (Korea Utara), Kesatuan Eropah, India, Jepun, Mongolia, New Zealand, Pakistan, Papua New Guinea, Republik Korea (Korea Selatan), Rusia, Sri Lanka, Timor-Leste dan Amerika Syarikat. Penyertaan negara-negara besar dalam ARF mendatangkan manfaat besar kepada negara anggota ASEAN termasuk Malaysia.

Penyertaan *Democratic People's Republic of Korea* (DPRK) atau Korea Utara dalam perundingan keselamatan ini menunjukkan kejayaan ARF dalam menyatukan dan membawa negara yang pasif dan agak terasing daripada negara-negara yang lain disebabkan oleh pendekatan politik yang diamalkan dan dasar yang dilaksanakan oleh pemimpin negara tersebut. ARF dapat dijadikan platform untuk DPRK bersuara dan menonjolkan dirinya samada dengan menyuarakan kebimbangan, hak dan juga saranan kepada sesuatu usul. Tidak dinafikan, kehadiran DPRK dalam ARF agak tidak disenangi oleh Amerika Syarikat kerana dibimbangi akan berlaku ketegangan antara negara DPRK dengan negara-negara ahli ARF yang lain.

Namun begitu, ARF merupakan forum yang berorientasikan isu keselamatan dan keamanan, tidak dapat tidak negara Amerika Syarikat perlu menghadirkan diri semasa persidangan diadakan kerana ia mendatangkan manfaat kepada negara tersebut dan amat merugikan jika input-input yang terdapat dalam ARF diabaikan. Bukan itu sahaja, terdapat garis panduan ARF yang perlu dipatuhi kerana ARF merupakan persidangan perkumpulan formal atau *formal grouping*. Bagi negara Malaysia, DPRK tidak dianggap sebagai 'parasit' dalam ARF kerana DPRK juga mempunyai hak untuk menyatakan usulnya dan menjalin hubungan kerjasama jika mereka inginkan kerana DPRK merupakan negara yang agak mundur disebabkan negara tersebut tidak mempunyai sumber untuk dieskport dan tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mengimport komoditi terutama makanan.²²

Walaupun berlaku ketegangan antara negara Malaysia dan DPRK di mana negara dikejutkan dengan kes kematian abang tiri Presiden Korea Utara, Kim Jong Nam yang mati dalam perjalanan ke hospital selepas kepalanya diserkup dengan kain mengandungi cecair, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), beliau dipercayai dibunuh oleh dua orang wanita. Berita tersebut telah mendatangkan pelbagai spekulasi netizen dari dalam negeri maupun negara luar di mana terdapat kenyataan bahawa perkara ini merupakan agenda pihak ketiga untuk mengeruhkan hubungan antara Malaysia dan Korea Utara. Namun begitu, kedua-dua pihak bertindak secara profesional dan sama-sama mencari penyelesaian dan keadilan buat mending Kim Jong Nam.

Isu pergolakan etnik di Myanmar tidak kurang hebatnya kerana isu pembersihan etnik Rohingnya di wilayah Rakhine telah memberi kesan kepada banyak pihak. Sikap pihak berkuasa Myanmar yang masih tidak dapat memberi jawapan kepada punca berlakunya krisis ini dan dilihat kurang memberi usaha untuk mengawal kejadian sedemikian telah memberikan impak negatif kepada negara tersebut serta kepada pertubuhan ASEAN. Kejadian ini menyebabkan berlakunya kebanjiran pelarian kepada negara terdekat dan tidak ketinggalan juga kepada negara Malaysia. Faktor negara Islam dan kestabilan yang dimiliki telah menjadikan negara Malaysia sebagai negara destinasi untuk masyarakat Rohingnya menyelamatkan diri. Malaysia tidak mahu bersikap lepas tangan kerana adalah menjadi tanggungjawab untuk membantu saudara seagama dengan memberikan perlindungan dan kebajikan. Namun, semakin hari jumlah pelarian semakin bertambah menyebabkan permasalahan kepada negara dalam menyediakan keperluan tempat tinggal, bekalan makanan dan akses kepada kemudahan perubatan kerana semua ini menelan perbelanjaan yang besar.

Berpegang kepada prinsip ASEAN yang berdasarkan konsensus, negara Malaysia menggunakan pendekatan dua hala untuk berunding bagi menyelesaikan permasalahan ini, namun tidak membawa kepada pengakhiran yang baik. Maka, isu ini dibawa ke peringkat ASEAN yang melibatkan kesemua negara anggota untuk berunding dan mencari tahu apakah sebenarnya punca berlaku sedemikian dan berharap isu ini akan membawa kepada titik nuktahnya. ASEAN sebagai medium perundingan menjadikan negara anggota tidak terus menuduh mahupun melucutkan keanggotaan Myanmar, namun bertindak menyelesaikan pertikaian secara aman dan bersama-sama untuk tidak menimbulkan sebarang provokasi yang boleh membawa kepada konflik dalaman ASEAN.²³

Dasar berbaik-baik dengan semua negara yang dipegang oleh negara Malaysia menjadikan hal ini tidak mengundang kepada masalah. Negara Malaysia membina hubungan baik dengan semua negara termasuklah DPRK. ARF boleh dijadikan sebagai forum perundingan Asia Pasifik yang berkesan untuk menggalakkan dialog terbuka mengenai kerjasama politik dan keselamatan di rantau ini. Dalam konteks ini, ASEAN perlu bekerjasama dengan rakan-rakan ARF untuk membawa corak yang lebih mudah untuk diramalkan dan membina hubungan dalam Asia Pasifik. Bukan itu sahaja, ARF juga bertindak sebagai salah satu pemangkin kepada pembangunan keyakinan kepada negara anggota ASEAN dalam menghadapi cabaran dari dalam dan luar ASEAN.²⁴ Perkara ini membantu ASEAN untuk bergerak ke fasa seterusnya iaitu diplomasi pencegahan. Namun begitu, walaupun berada pada fasa diplomasi pencegahan dan pengurusan konflik, pembangunan keyakinan perlu diteruskan kerana ia menjadi asas kepada kekuatan negara anggota ASEAN itu sendiri.²⁵

Medium Pecutan Ekonomi

TAC yang pertama iaitu pada tahun 1976 di mana semua negara anggota telah setuju untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di rantau ini dalam usaha untuk mengukuhkan asas bagi masyarakat yang makmur dan aman di rantau Asia Tenggara. Untuk tujuan ini, pemimpin-pemimpin negara akan menggalakkan penggunaan yang lebih besar dalam bidang pertanian dan industri, perkembangan perdagangan dan peningkatan infrastruktur ekonomi mereka untuk faedah bersama rakyat. Dalam hal ini juga, setiap negara anggota akan terus meneroka semua ruang untuk kerjasama yang erat dan berfaedah dengan negara-negara lain dan juga organisasi antarabangsa serta serantau.²⁶ Perjanjian kerjasama yang disepakati dan dilaksanakan dengan penuh komitmen akan memberikan kebaikan yang berterusan kepada lebih 600 juta warganya. Dengan kekuatan dan persefahaman yang ada, tidak mustahil rantau ini mampu berdiri sama tinggi dengan negara besar yang lain seperti Jepun, Amerika Syarikat dan China.

Kepelbagaian kerjasama ekonomi yang terdapat dalam pertubuhan ASEAN seperti AFTA, EAEC dan Komuniti Ekonomi ASEAN telah menjadikan ekonomi negara rantau ASEAN berkembang dengan pesat dan serta merta dapat menarik negara luar untuk melabur. Kegiatan perdagangan yang giat dalam negara anggota mahupun dari negara luar telah menyebabkan negara anggota ASEAN turut menikmati aliran barangan, pelaburan, kepakaran serta perkhidmatan yang berlaku kesan daripada pelaburan negara luar rantau ASEAN.

Malah buat negara Malaysia sendiri, liberalisasi ekonomi yang berlaku membantu negara Malaysia untuk menggiatkan lagi industri dan kegiatan perdagangan negara. Bukan itu sahaja, hal ini mendorong masyarakat tempatan untuk lebih menjana idea demi mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang mampu memberikan pendapatan yang lumayan kepada negara. Pemerksaan ekonomi yang lebih aktif akan menyumbang kepada guna tenaga penuh yang boleh mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Selain itu, negara akan lebih menumpukan untuk menghasilkan barangan buatan Malaysia untuk bersaing dalam rangkaian serantau dan global. Tumpuan kepada orientasi eksport akan membantu imbalan dagangan yang lebih stabil dengan mengurangkan kegiatan import. Berikutan hal ini, semestinya pertubuhan ASEAN menjadi platform yang amat penting buat negara Malaysia dalam aspek pembangunan ekonomi negara Malaysia.

Perpindahan Teknologi dan Kepakaran

Selain daripada faktor keamanan dan perkembangan ekonomi, penglibatan Malaysia dalam pertubuhan ASEAN membolehkan negara ini menikmati dan berkongsi kepakaran daripada negara anggota ASEAN dan negara luar yang menyertai ASEAN dalam sesuatu kerjasama. Kerjasama yang dijalankan menyebabkan berlakunya perpindahan teknologi serta kepakaran antara negara anggota dan semestinya ia amat berguna untuk pembangunan negara Malaysia. Contohnya dalam bidang pertanian, Malaysia mengambil contoh dengan mengaplikasikan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh negara Thailand kerana Thailand merupakan salah satu negara rantau Asia yang maju dalam teknologi pertanian dan mengekalkan bidang pertanian sebagai sumber utama kepada pendapatan negara. Selain juga, negara Singapura terkenal dengan

pembangunan negara yang lestari di mana walaupun negara Singapura merupakan negara yang kecil dan padat, proses pembangunan yang pesat tanpa mengabaikan konsep 'hijau' menjadikan negara tersebut sebagai negara yang mendahulukan kelestarian alam sekitar dan mengutamakan pembangunan negara pada masa yang sama. Perkara sebegini wajar dicontohi dan baik untuk diambil inputnya demi proses pembangunan negara Malaysia.

Dalam konteks kerjasama ASEAN seperti *ASEAN Defence Ministers Meeting (ADMM-Plus)* yang menghimpunkan Menteri Pertahanan dari seluruh negara anggota ASEAN dan beberapa negara lain seperti Australia, China, India, Jepun, New Zealand, Korea Selatan, Rusia, dan Amerika Syarikat. Dengan menumpukan kepada kaedah penyelesaian konflik, pentadbiran keselamatan maritim, serta pembangunan teknologi dan kepakaran membolehkan negara anggota ASEAN lebih berkeyakinan dalam membina kapasiti untuk menangani cabaran keselamatan kerana menyedari perbezaan keupayaan pelbagai negara ASEAN yang masih lagi berada di tahap yang rendah. Selain itu, penggalakkan kepercayaan dan keyakinan dalam pertubuhan pertahanan melalui dialog antara negara ASEAN dengan lapan rakan dialog telah memberi pengetahuan dan ilmu kepakaran kepada negara anggota ASEAN untuk lebih bersedia dalam menghadapi keselamatan transnasional yang semakin mencabar.

Negara Malaysia turut menerima kebaikannya dari penyertaan dalam kerjasama ini apabila isu kehilangan pesawat MH370 yang dipercayai terhempas di perairan Lautan Hindi. Australia yang merupakan negara anggota *ADMM-Plus* sedia membantu dengan menyediakan kepakaran dan teknologi yang tinggi seperti radar pengesan kotak hitam dan kapal selam yang mampu berada didasar laut untuk tempoh yang lama. Tindakan Australia ini mengurangkan kebimbangan Malaysia dalam mencari MH370 yang melibatkan kesedihan beratus keluarga dari negara-negara yang berbeza. Walaupun sehingga sekarang pesawat MH370 masih lagi tidak dijumpai, usaha Australia dengan bantuan negara-negara lain juga amat dihargai Malaysia.

Seterusnya, dalam konteks kerjasama serantau iaitu ARF di mana isu terkini yang dibincangkan adalah mengenai angkasa lepas di mana merangkumi kerjasama teknologi, kapasiti serta kerjasama dalam menggalakkan ilmu pengetahuan mengenai angkasa lepas. Seseengah pihak berpendapat bahawa ARF membincangkan perkara yang sama sebagaimana pertubuhan EU. Hal ini menjadikan ARF hanya dianggap sebagai 'kedai kopi' serta tidak memberi manfaat kepada ahlinya. Walaupun begitu, perbincangan mengenai isu angkasa lepas dalam ARF amat memberi manfaat kepada ASEAN kerana negara anggota ASEAN masih bergantung kepada teknologi negara lain untuk ke angkasa lepas seperti melakukan kajian mengenai satelit, bulan dan sebagainya. Sebagai contoh angkasawan Malaysia iaitu Dr. Sheikh Muszaphar Shukor yang telah ke ISS iaitu Stesen Angkasa Kebangsaan hasil Program Stesen Angkasa Lepas yang melibatkan negara Rusia, *NASA's Freedom* yang merangkumi negara Jepun, Eropah serta Kanada. Hal ini menunjukkan bahawa, terdapat rakyat negara Malaysia yang mempunyai kebolehan untuk ke angkasa namun masih bergantung kepada bantuan teknologi dan kepakaran dari negara luar. Tidak dinafikan bahawa, negara ASEAN masih jauh ketinggalan dari aspek teknologi dan inovasi berbanding dengan negara besar tersebut.

Justeru, dengan penglibatan negara penting seperti negara-negara Eropah, Kanada, Jepun dan sebagainya dalam forum ARF yang membincangkan mengenai isu angkasa lepas menjadikan perpindahan teknologi dan kepakaran dalam bidang ini berlaku dan membolehkan negara ASEAN untuk perlahan-lahan meneroka dan menggali ilmu sebegini. Hal sebegini akan

membantu negara ASEAN untuk turut mempunyai kepakaran dan akses sendiri untuk ke angkasa lepas dan bertambah maju dalam bidang sains dan teknologi.

Kemajuan Sosio-Budaya

Rantau Asia Tenggara merupakan rantau yang mempunyai kepelbagaian warna dari segi bahasa, agama, adat resam dan sebagainya. Kedatangan pengaruh luar seperti Hindu, Buddha serta Islam pada zaman kerajaan awal menjadikan negara-negara Asia Tenggara mempunyai ciri-ciri tersendiri yang boleh diangkat sebagai identiti kebudayaan negara masing-masing. Perbezaan inilah yang menyatukan rakyat rantau Asia Tenggara kerana faktor sejarah, ciri geografi dan budaya yang saling terikat.

Pertubuhan ASEAN juga bertindak sebagai medium perkembangan sosio-budaya negara anggota kerana ASEAN bukan sahaja memberi tumpuan kepada isu kestabilan politik, dan perkembangan ekonomi semata-mata, malah turut menumpukan kepada pembangunan komuniti yang lebih berkesan melalui pendidikan, hubungan kebudayaan, pengurusan bencana, pemerkasaan kelestarian alam sekitar dan juga pematuhan kepada hak asasi masyarakat. Menurut TAC yang pertama, negara-negara anggota hendaklah berusaha untuk membangun dan mengukuhkan hubungan tradisi, kebudayaan, sejarah persahabatan, semangat kejiranan dan kerjasama yang mengikat mereka bersama-sama serta perkara sedemikian hendaklah dilaksanakan dengan niat yang baik dan penuh tanggungjawab sebagaimana yang telah termaktub dalam perjanjian. Hal ini menggambarkan bahawa, nilai dan norma yang harus diadaptasi dan diaplikasikan oleh pemimpin dalam menjalankan tugasnya terhadap rakyat dan negara serta dalam menjalinkan hubungan antara negara anggota perlu diiringi dengan nilai bahawa 'kita adalah satu keluarga' seperti mana yang telah disuarakan oleh Perdana Menteri Malaysia yang Kelima iaitu Abdullah Badawi (Pak Lah).

Dalam menjadikan warga ASEAN yang celik ilmu pengetahuan dan terbuka kepada peluang-peluang yang ada, pemberdayaan kerjasama pendidikan antara negara anggota dijalankan melalui pertubuhan *Southeast Asian Ministers of Education Organization* (SEAMEO). Organisasi ini memberi tumpuan kepada perkembangan pendidikan dan pembelajaran manusia serta meneroka sepenuhnya potensi rakyat, SEAMEO mengekalkan kerja dan aspirasinya untuk pembangunan bangsa di rantau ini untuk melahirkan kehidupan yang lebih baik dalam kualiti dan ekuiti dalam bidang pendidikan, pendidikan kesihatan, budaya, tradisi, teknologi maklumat dan komunikasi, bahasa, pembasmian kemiskinan, pertanian dan juga sumber asli. Melalui kerjasama SEAMEO, pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia berpeluang untuk menyertai program pertukaran pelajar di mana-mana negara ASEAN di mana universiti tersebut perlu mengadakan kerjasama dan *Memorandum of Understanding* (MOU) dengan mana-mana universiti di negara ASEAN mahupun negara luar dengan menggunakan medium ASEAN itu sendiri. Antaranya Universiti Malaya mengadakan pertukaran pelajar ke *Thammasat University* (Thailand), Universitas Airlangga (Indonesia) serta *Waseda University* (Jepun). Peluang sebegini membolehkan pelajar-pelajar meneroka peluang dan pengalaman yang lebih luas serta dapat diaplikasikan dalam bidang kerjaya pada masa hadapan. Bukan itu sahaja, SEAMEO turut mendedahkan kepada kementerian pendidikan di setiap negara mengenai penambahbaikan dalam pembelajaran yang berkesan. Hal ini akan membantu meningkatkan modal insan yang bukan sahaja mempunyai potensi yang tinggi dalam

pembelajaran, malah turut mempunyai pelbagai kemahiran. Malaysia turut menjadi sebahagian dalam kerjasama *Southeast Asian Minister of Education, Organization, Innovation and Technology* (SEAMEO INNOTECH) yang ditubuhkan untuk mengenalpasti masalah pendidikan dan membangunkan penyelesaian mengikut keperluan setiap negara dengan menggunakan medium teknologi. Pendedahan ini membantu negara Malaysia agar tidak ketinggalan dalam globalisasi teknologi dan maklumat yang semakin maju ke hadapan.

Seterusnya, negara rantau Asia Tenggara tidak terlepas dari menghadapi bencana alam yang berlaku akibat proses semula jadi dan berpunca daripada kegiatan manusia. Kejadian bencana alam memberikan impak yang besar seperti kerosakan infrastruktur, ancaman penyakit berjangkit dan yang paling serius adalah kejadian yang membawa kepada angka korban yang tinggi dan kemalangan jiwa. Malaysia kerap menghadapi bencana seperti banjir dan tanah runtuh akibat daripada sistem perparitan yang tidak terkawal dan ciri-ciri pembangunan yang tidak sesuai dengan keadaan fizikal tapak pembinaan. Kejadian ini memerlukan negara Malaysia mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk kerja-kerja pembaikan kerosakan, menyediakan tempat perlindungan serta bekalan makanan asas kepada mangsa yang terlibat.

Di bawah payung ASEAN, terdapat kerjasama seperti penubuhan *ASEAN Humanitarian Assistance Centre* (AHA) yang berfungsi sebagai hab serantau untuk maklumat dan pengetahuan bagi pengurusan bencana. Ia juga akan menjadi titik pusat untuk pengumpulan sumber ke kawasan yang terkena bencana selain bertindak sebagai 'enjin' penyelarasan untuk memastikan tindak balas yang cepat dan kolektif untuk pengurusan bencana di rantau ASEAN. *ASEAN Centre Executive Programme* (ACE) dan *ASEAN-Emergency Rapid Assessment Team* (ASEAN-ERAT) yang dilaksanakan disokong oleh kerajaan Jepun di bawah kerjasama *Japan – ASEAN Integration Fund* (JAIF), turut menghulurkan sumbangan kepada mangsa banjir di Malaysia yang berbentuk makanan, pakaian, khemah dan barangan keperluan harian yang lain.

Bukan itu sahaja, Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) yang menjadi salah satu tunggak kepada Komuniti ASEAN yang bertindak sebagai haluan utama untuk membentuk warga ASEAN sebagai satu komuniti yang inklusif, mampan, berdaya tahan, dinamik, keterlibatan dan mampu memberi manfaat kepada lebih 600 juta rakyatnya. Skop ASCC yang meliputi alam sekitar, pengurusan bencana, pendidikan, kebudayaan, kesihatan, sukan, belia, wanita, kanak-kanak, tenaga kerja, pembangunan luar bandar, pembasmian kemiskinan, kebajikan sosial dan latihan perkhidmatan awam dilaksanakan melalui medium kerjasama dalam konteks sosio-budaya yang telah wujud dan yang bakal dijalankan antara negara anggota ASEAN dan juga antara ASEAN dengan pertubuhan dan negara luar.

Bagi negara Malaysia, semestinya ASCC menjanjikan pulangan yang terbaik dan manfaat yang boleh dinikmati untuk kebaikan negara dalam jangka masa yang panjang. Pelan ASCC yang mana ingin mencapai matlamat untuk mengurangkan jurang kemiskinan antara negara anggota membantu Malaysia mengurangkan kadar kemiskinan penduduk terutamanya di kawasan luar bandar. Selain daripada inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia, pemberdayaan daya saing PKS yang ditekankan dalam ASCC memupuk penglibatan penduduk tempatan untuk menghasilkan produk dari tempat mereka sendiri untuk menjana pendapatan dan mampu memberikan sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara walaupun dalam skala yang kecil serta mempergiatkan lagi penglibatan kaum wanita, OKU, warga emas dan juga belia melalui pengukuhan kemahiran keusahawan sebagai bantuan sara diri.

Melihat kepada faktor-faktor di atas, semestinya ASEAN menjanjikan peluang yang besar dan luas buat negara anggotanya dalam membangunkan negara masing-masing agar tidak ketinggalan dan terabai dalam segala aspek. Kestabilan dan keamanan rantau yang dimiliki akan menyebabkan kegiatan ekonomi tidak akan terganggu dan berjalan dengan baik seiring dengan perkembangan sosio-budaya. Berdasarkan kepada kebaikan ini, wajarlah jika ASEAN menjadi kepentingan terbesar buat negara Malaysia dan menjadikan negara Malaysia terus menyumbang komitmen dan penjana idea yang berkesan agar terus menikmati *regional prosperity* ini secara bersama.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa hubungan negara Malaysia dengan pertubuhan ASEAN berkembang seiring dengan perkembangan pertubuhan ASEAN itu sendiri. Dengan melaksanakan dasar *ASEAN is a cornerstone to Malaysia* mampu membawa Malaysia ke peringkat yang lebih jauh dengan menggunakan ASEAN sebagai platform dalam mengecapi kemajuan ekonomi, kestabilan dan keselamatan negara dan juga untuk kepentingan sosio-budaya Malaysia. Pendekatan yang digunakan oleh Malaysia terhadap ASEAN seperti *bilateral*, *multilateral* dan juga *selective* membantu negara Malaysia untuk menjalinkan hubungan kerjasama yang lebit erat dan berkesan serta terhindar dari sebarang konflik dan provokasi yang mengakibatkan konflik dalaman ASEAN.

Faktor seperti keamanan negara dan rantau, pecutan ekonomi, perpindahan teknologi serta perkembangan sosio-budaya yang menjadi aspek dibawah platform ASEAN menjadikan pertubuhan ini dianggap efektif dan mampu menjadi payung yang melindungi anggotanya serta menyediakan peluang kepada perkara yang menjadi keperluan buat negara anggotanya. Hal ini menambahkan lagi usaha Malaysia untuk sentiasa menjadi negara anggota yang memainkan peranan yang aktif dalam memberi sumbangan dan komitmen berterusan terhadap pertubuhan ASEAN.

Namun begitu, setiap negara perlu mempunyai pendekatan tersendiri dalam mencari peluang yang mendatangkan kebaikan kepada negaranya tanpa mengharap medium ASEAN semata-mata. ASEAN boleh dijadikan platform untuk mengecapi segala manfaat yang tersedia, namun bukan menjadi pergantungan sepanjang masa. Dengan mementingkan kedaulatan negara, kepentingan serantau juga perlu diambil kira untuk memastikan hubungan baik dan kebaikan yang berterusan dapat dinikmati bersama.

Nota

* **Lili Yulyadi Arnakim** (lili.yulyadi@binus.edu) merupakan Pensyarah di Jabatan Hubungan Antarabangsa Universitas Bina Nusantara (BINUS) Jakarta, Indonesia.

** **Siti Mariam Mat** (madoutyseven@rocketmail.com) merupakan Graduan Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sosial Sains, Universiti Malaya, Malaysia.

¹Ruhasan Harun, *Malaysia's Foreign Relations: Issues and Challenges*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2016.

- ² Temu bual bersama Cik Suzilah Mohd Sidek, Pengarah Bahagian Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN, 7 Disember 2016.
- ³ ASEAN Secretariat, ASEAN Charter, 2017, Diperoleh pada 20 Mei 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: http://www.asean.org/wp-content/uploads/2012/05/11.-October-2015-The-ASEAN-Charter-18th-Reprint-Amended-updated-on-05_-April-2016-IJP.pdf
- ⁴ Temu bual bersama Encik Anuerin Ignatius, Penolong Pengarah Sekretariat Kebangsaan ASEAN Malaysia, 7 Disember 2016.
- ⁵ Temu bual bersama Puan Astanah Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Komuniti Ekonomi ASEAN, 8 November 2016
- ⁶ Cambridge Advanced Learner's Dictionary, United Kingdom: Cambridge University Press, 2015.
- ⁷ Temu bual bersama Encik Anuerin Ignatius.
- ⁸ Sekretariat Kebangsaan ASEAN Malaysia. Diperoleh pada 5 Disember 2016 daripada Laman Sesawang Dunia: http://www.kln.gov.my/web/guest/dd-asean_malaysia
- ⁹ Cambridge Advanced Learner's Dictionary, United Kingdom: Cambridge University Press, 2015.
- ¹⁰ Temu bual bersama Encik Anuerin Ignatius.
- ¹¹ Kawal pekerja asing. *Utusan Online*. 2 Julai 2008, Diperoleh pada 21 April 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0702&sec=Rencana&pg=re_01.htm
- ¹² Temu bual bersama Encik Anuerin Ignatius.
- ¹³ Temubual bersama Puan Astanah Abdul Aziz.
- ¹⁴ James P. Muldoon Return to Multilateralism. *International Relations*, 1982.
- ¹⁵ Temu bual bersama Encik Anuerin Ignatius.
- ¹⁶ Cambridge Advanced Learner's Dictionary, United Kingdom: Cambridge University Press, 2015.
- ¹⁷ Temu bual bersama Cik Suzilah Mohd Sidek.
- ¹⁸ Temu bual bersama Encik Anuerin Ignatius.
- ¹⁹ Temu bual bersama Puan Astanah Abdul Aziz.
- ²⁰ Temu bual bersama Encik Aneurin Ignatius.
- ²¹ Ibid.
- ²² Temu bual bersama Puan Astanah Abdul Aziz.
- ²³ Temu bual bersama Encik Aneurin Ignatius.
- ²⁴ Temu bual bersama Cik Suzilah Mohd Sidek.
- ²⁵ Temu bual bersama Encik Aneurin Ignatius..
- ²⁶ ASEAN Secretariat, ASEAN Charter, 2017, Diperoleh pada 20 Mei 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: http://www.asean.org/wp-content/uploads/2012/05/11.-October-2015-The-ASEAN-Charter-18th-Reprint-Amended-updated-on-05_-April-2016-IJP.pdf

Rujukan

Fuston, J. Malaysia and Thailand's Southern Conflict: Reconciling Security and Ethnicity. *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, 32(2), August 2010

Harun, R. *Malaysia's Foreign Relations: Issues and Challenges*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. 2006.

Ismail, Y. *Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Pencetakan Zafar Sdn.Bhd., 2006.

Cambridge Advanced Learner's Dictionary, United Kingdom: Cambridge University Press, 2015.

Muldoon, J. P. Return to Multilateralism. *International Relations*, 1992.

Mat, B. *Diplomasi Multilateral Dalam Forum Serantau ASEAN*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Saravanamuttu, J. *Malaysia's Foreign Policy, The First Fifty Years: Alignment, Neutralism, Islamism*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2010.

Shafie, T. G. *Malaysia, ASEAN and the New World Order*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

Sumber Internet

AHA (ASEAN Humanitarian Assistance Centre), diperoleh pada 14 Februari 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: <http://ahacentre.org/>

ASEAN (The Association of Southeast Asian Nations). Diperoleh pada 14 Mei 2016 daripada Laman Sesawang Dunia: <http://asean.org/>

ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM-Plus). Diperoleh pada 22 Disember 2016 daripada Laman Sesawang Dunia: <https://admm.asean.org/index.php/about-admm/about-admm-plus.html>

ASEAN Secretariat, ASEAN Charter, 2017, Diperoleh pada 20 Mei 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: http://www.asean.org/wp-content/uploads/2012/05/11.-October-2015-The-ASEAN-Charter-18th-Reprint-Amended-updated-on-05_-April-2016-IJP.pdf

HUNG, P. M. Malaysia, Thailand foster bilateral relations, 2016. Diperoleh pada 21 April 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: <http://english.vov.vn/world/malaysia-thailand-foster-bilateral-relations-330724.vov>

Indonesia-Malaysia- Thailand- Growth Triangle. IMT-GT. 2011. Diperoleh pada 22 April 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: <http://www.imtgt.org/>

Indonesia dan Malaysia Tingkatkan Kerjasama Bidang Ekonomi dan Budaya, DPDRI. 2014. Diperoleh pada 21 April 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: <http://www.dpd.go.id/artikel-indonesia-dan-malaysia-tingkatkan-kerjasama-bidang-ekonomi-dan-budaya>

Kawal pekerja asing. *Utusan Online*. 2 Julai 2008, Diperoleh pada 21 April 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0702&sec=Rencana&pg=re_01.htm

Kepelbagaian Sosio-budaya Beri Kelebihan Malaysia Sebagai Pengerusi ASEAN. *BERNAMA Online*, 28 Mac 2015. Diperoleh pada 19 Februari 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsgeneral.php?id=1120988>

Kronologi tragedi MH17, *Utusan Online*, 22 Ogos, 2014. Diperoleh pada 19 Februari 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140822/re_10/Kronologi-tragedi-MH17

Nadia, N. Malaysia Dan Kerjasama Serantau., 2009. Diperoleh pada 12 Mei 2016 daripada Laman Sesawang Dunia: <https://www.scribd.com/doc/18940424/Malaysia-Dan-Kerjasama-Serantau>

Natural disaster management and the future of ASEAN cohesion, 2016. Diperoleh pada 14 Februari 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: <http://www.eastasiaforum.org/2016/09/23/natural-disaster-management-and-the-future-of-asean-cohesion/>

SEAMEO (Southeast Asian Ministers Education Organisation). Diperoleh pada 14 Februari 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: http://www.retrac.seameo.org/index.php?option=com_content&view=article&id=90&Itemid=518

SEAMEO INNOTECH (Southeast Asian Minister of Education, Organization, Innovation and Technology). Diperoleh pada 14 Februari 2017 daripada Laman Sesawang Dunia: <http://www.seameo-innotech.org/>

Sekretariat Kebangsaan ASEAN Malaysia. Diperoleh pada 5 Disember 2016 daripada Laman Sesawang Dunia: http://www.kln.gov.my/web/guest/dd-asean_malaysia

Temubual

Aneurin Ignatius, Penolong Pengarah Sekretariat Kebangsaan ASEAN Malaysia, Kementerian Luar Negeri, 7 Disember 2016, Kuala Lumpur.

Astanah Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Komuniti Ekonomi ASEAN, Kementerian Luar Negeri, 8 November 2016, Kuala Lumpur.

Suzilah Mohd Sidek, Pengarah Bahagian Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN, Kementerian Luar Negeri, 7 Disember 2016, Kuala Lumpur.